

BULETIN TERAJU



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

www.umk.edu.my



6

Dasar Strategik **KPT**



KARNIAWAN
6 Dasar Strategik KPT
Lahir Graduan Jadi Usahawan
- Y.B Menteri Pengajian Tinggi



KIKW
Seminar Kebangsaan
Keusahawanan Industri
Kreatif dan Warisan



JOM MASUK U
30 ribu Pengunjung Serbu
Karnival Pengajian Tinggi Negara
di Kelantan Trade Centre (KTC)

Pengurusan UMK

Naib Canselor
Y.Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Zainal Mohamed

Timbalan-Timbalan Naib Canselor
Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mortaza Mohamed
(Hal-Ehwal Pelajar dan Alumni)

Y.Bhg. Prof. Dr. Azizul Halim Yahya
(Hal-Ehwal Akademik dan Antarabangsa)

Pendaffar
En. Abdul Halim Abdul Rahman

Timbalan Bendahari
En. Mohd Yusri Awang

Ketua Pustakawan
En. Azman Hashim

Editorial

Ketua Editor
Puan Wan Tik Sakinah Wan Mohd Zain
Pengarah Pusat Hubungan Korporat

Editor
Y.Bhg. Prof. Madya Datin Rosnah Mohamad Sirin
Liau Pei Wein

Wartawan
Syarimie Wosley
Normala Othman

Fotografi
Mohd Al Azam Mat Razi

Pereka
Elyani Zamri

Editor Bersekutu
Prof. Dr. Hj. Ibrahim Che Omar
Dekan Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli

Prof. Dr. Mohamed Dahlan Ibrahim
Dekan Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan

Prof. Madya Hj. Abdul Aziz Shuaib
Dekan Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan

Dr. Mohd. Azam Khan Goriman Khan
Dekan Fakulti Perubatan Veterinar

Prof. Madya Abdul Aziz Ab. Latiff
Pengarah Institut Perusahaan Kecil dan Sederhana

Prof. Madya Dr. Farok Zakaria
Pengarah Pusat Pengajian Bahasa dan
Pembangunan Insaniah

Prof. Rosdi Ab. Rahman
Pengarah Pusat Pembangunan dan
Pengurusan Akademik




Tajuk : TERAJU
Foto : Mohd Al Azam Mat Razi
Rekabentuk : Elyani Zamri

UNTUK MAKLUMAT LANJUT, SILA HUBUNGI:
PUSAT HUBUNGAN KORPORAT
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
Karung Berkunci 36, Pengkalan Chepa
16100 Kota Bharu, Kelantan

E-mel: korporat@umk.edu.my
Tel: 09-771 7010
Faks: 09-771 7022
Laman web: <http://www.umk.edu.my>

PERUTUSAN Naib Canselor



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Terlebih dahulu, saya ingin melahirkan rasa syukur ke hadirat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurniaNya kita dapat bersama-sama membawa Universiti Malaysia Kelantan (UMK) melangkah ke hadapan bagi menghadapi tahun 2010 yang penuh mencabar.

Mulai awal tahun 2010, pelbagai usaha telah diambil bagi memantapkan UMK sebagai sebuah Universiti Keusahawanan dan merealisasikan visi Universiti sebagai peneraju pembangunan modal insan bercirikan keusahawanan bagi kesejahteraan global.

UMK menjadi tuan rumah kepada Mesyuarat ASEAN *Learning Network Council* (ALNC) Ke-4 dan Bengkel *Social Enterprise for Economic Development* (SEED) dari 9 hingga 10 Januari 2010 yang disertai delegasi daripada beberapa buah Universiti ASEAN dan Switzerland.

Rombongan delegasi telah meninjau perusahaan desa di beberapa buah perkampungan di daerah Tumpat seperti perusahaan ikan sangkar, perusahaan ikan kering dan penternakan itik telur bagi mengenal pasti potensi membantu membangunkan aktiviti perusahaan desa tersebut.

Selain itu, UMK turut diberi kepercayaan untuk menjadi tuan rumah kepada Konvensyen dan Karnival Keusahawanan Siswa Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Peringkat Nasional Ke-7 dari 15 Februari hingga 18 Februari lalu.

Majlis yang dirasmikan oleh Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin itu turut disertai oleh 20 IPTA dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) seluruh Malaysia.

UMK juga telah melancarkan *Student Enterprise Centre* (SEC) baru-baru ini iaitu sebuah pusat seahenti yang menawarkan khidmat nasihat dalam bidang perniagaan kepada para pelajar yang berminat menjalankan dan menguruskan perniagaan mereka sendiri.

SEC turut berperanan sebagai Suruhanjaya Syarikat Siswa Universiti yang mengurus semua aktiviti atau kegiatan yang dijalankan oleh syarikat-syarikat pelajar selain menjadi salah satu platform untuk membantu negara melahirkan golongan usahawan tempatan yang berjaya.

Sesungguhnya, penubuhan UMK bukan sekadar mahu menyediakan lebih banyak peluang pengajian tinggi kepada generasi muda, namun pada masa sama, Universiti ini perlu sentiasa mempelbagaikan pengisiannya supaya ia dapat memberi manfaat yang luas kepada masyarakat serta negara.

Keadaan tersebut selari dengan Falsafah Pendidikan Negara (FPN), iaitu pendidikan di Malaysia bertujuan untuk melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.

Akhir kata, saya ingin mengajak semua warga UMK supaya menghayati erti falsafah pendidikan negara, yang mana salah satu terasnya ialah bekerja ke arah memajukan pemikiran rakyat dan pembangunan negara.

Sekian, terima kasih.

"Semoga Allah Melindungi Tuanku Dunia Dan Akhirat"

Wassalam.

Y.Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Zainal Mohamed.

6 DASAR STRATEGIK KPT LAHIR GRADUAN JADI USAHAWAN

- Y.B. MENTERI PENGAJIAN TINGGI

DASAR Pembangunan Keusahawanan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang dilaksanakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi adalah antara mekanisma baru untuk melahirkan graduan keusahawanan yang kompeten dan holistik.

Menteri Pengajian Tinggi, Y.B. Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin menegaskan pelaksanaan dasar itu meliputi enam teras strategik antaranya membabitkan penubuhan Pusat Keusahawanan di semua IPT.

Tambah beliau, ini termasuk penyediaan pendidikan program keusahawanan yang terancang dan holistik, pemantapan program pembangunan serta penguatkuasaan keusahawanan.

"Teras berikutnya adalah mewujudkan mekanisma pengukuran berkesan, menyediakan persekitaran dan ekosistem yang kondusif, dan meningkatkan kompetensi tenaga pengajar keusahawanan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Majlis Konvensyen dan Karnival Keusahawanan Siswa (KARNIAWAN) IPT Awam, Peringkat Ke-7 di Dewan Terbuka Keusahawanan, Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Pengkalan Chepa, Kelantan pada 18 Februari 2010.

Dato' Mohamed Khaled menambah, pelaksanaan Dasar Pembangunan Keusahawanan IPT akan memberi gambaran lebih jelas tentang bagaimana nilai dan aktiviti keusahawanan boleh menjadi pemangkin kepada perkembangan ekonomi negara.

"Dasar berkenaan juga akan bertindak sebagai penggerak utama untuk meningkatkan tahap inovasi, kreativiti dan daya saing sesebuah negara," jelas beliau.

Menurutnya, pendidikan dan pembangunan keusahawanan yang holistik amat signifikan dalam usaha kerajaan melahirkan modal insan berkualiti tinggi serta mempunyai pemikiran, atribut dan nilai keusahawanan.

Pada majlis itu, Dato' Mohamed Khaled turut menyampaikan anugerah kepada pemenang Anugerah Program Usahawan Terbaik.



Y.Bhg. Dato' Seri Mohamed Khaled menyempurnakan perasmian KARNIAWAN 2010 di UMK.



Majlis pelancaran Student Enterprise Centre (SEC) oleh Dato' Seri Mohamed Khaled melakar sejarah baru UMK.

INDUSTRI KREATIF DAN WARISAN WAHANA TERKINI EKONOMI NEGARA



PENGANJURAN Seminar Keusahawanan Industri Kreatif dan Warisan 2010 (KIKW 2010) oleh Universiti Malaysia Kelantan (UMK) mampu menggembeng idea baru para ilmuan dan usahawan bagi memartabatkan industri kreatif serta warisan negara khususnya di Kelantan.

Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan), Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan, Y.Bhg. Dato' Mohammad Mohd Daud berkata, KIKW 2010 diharap dapat memberi pengiktirafan kepada sektor industri kreatif dan warisan negara pada peringkat tempatan dan antarabangsa.

"Secara tidak langsung kita dapat memasarkan produk yang berinovasi dan berdaya saing serta mampu menjana perkembangan usahawan kreatif dan warisan di Malaysia khususnya di Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER)," ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis penutup KIKW 2010 mewakili Menteri Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan, Y.B. Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim.

Seminar yang julung kali diadakan pada 24 dan 25 Februari 2010 anjuran Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW) UMK dimuatkan dengan beberapa program menarik seperti seminar lisan, poster, perniagaan dan perundingan langsung dalam bidang keusahawanan.

Seminar itu turut menampilkan tokoh-tokoh akademik dan keusahawanan dalam pelbagai bidang industri kreatif serta warisan termasuk Pengarah Muzium Warisan Akademik, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), wakil daripada Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) dan beberapa agensi lain yang berkaitan.

Dalam pelbagai bidang industri kreatif serta warisan termasuk Pengarah Muzium Warisan Akademik, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), wakil daripada Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) dan beberapa agensi lain yang berkaitan.



SME-UNIVERSITY INTERNSHIP PROGRAMME: PLATFORM PELAJAR JADI USAHAWAN

PROGRAM Penempatan Pelajar Universiti dalam Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) mampu memberi peluang kepada pelajar meneroka ilmu keusahawanan seterusnya berjaya mewujudkan peluang pekerjaan.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Y.B. Dato' Mustapa bin Mohamed menyatakan bahawa program ini merupakan satu pendekatan kepada pembelajaran ilmu keusahawanan melalui pengalaman serta menjadikan keusahawanan sebagai satu kerjaya pilihan untuk masa hadapan.

"Ini bertepatan dengan hasrat kerajaan untuk membudayakan program keusahawanan di kalangan siswa dan siswi di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dengan menjadikan mereka sebagai kumpulan sasaran dalam pelaksanaan SME-University Internship Programme," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menghadiri Breakfast Meeting-MITI, di kampus Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Pengkalan Chepa, Kelantan, pada 7 Februari 2010.

Turut hadir Naib Canselor UMK, Y.Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed dan Ketua Pegawai Eksekutif SME Corporation Malaysia, Datuk Hafshah bin Hashim.

Dato' Mustapa memberitahu bahawa program ini dijangka dilaksanakan seminggu selepas Tahun Baru Cina membabitkan pelajar Universiti ini. Peserta akan didedahkan kepada peluang kerjaya keusahawanan menerusi tinjauan di tujuh agensi EKS di bawah MITI.

Pada peringkat pertama, program anjuran SME Corporation Malaysia dengan kerjasama UMK itu telah pun bermula hujung tahun lepas sehingga Mac ini membabitkan seramai 20 orang pelajar dari pelbagai fakulti.

Setiap pelajar terbabit akan menerima elaun sebanyak RM600 sebulan sepanjang tempoh latihan tersebut. Kumpulan ini berpeluang melaksanakan modul latihan berkaitan keusahawanan menerusi beberapa siri ceramah daripada usahawan dan Panel Penasihat Pakar EKS.



Pemilihan UMK dalam SME-University Internship Programme beri peluang pada mahasiswa-siswi menjadi usahawan.



Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Y.B. Dato Seri Mustapa bin Mohamed semasa mempengerusikan mesyuarat di UMK.

MITI TURUN PADANG Dengar rintihan dan rungutan 200 Usahawan Bumiputera IKS



Sesi Dialog Usahawan IKS Bersama Timbalan MITI, Y.B. Dato Mukhriz berjaya mencapai objektif.

LEBIH 200 usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) hadir dalam Program Sesi Dialog Usahawan Bumiputera IKS dan Persatuan Perniagaan Bumiputera Kelantan Bersama Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Y.B. Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir.

Program anjuran Institut Perusahaan Kecil dan Sederhana (ISME) dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) telah diadakan di Dewan Terbuka, Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Pengkalan Chepa, Kelantan, pada 11 Mac 2010.

Majlis dialog yang berlangsung selama tiga (3) jam itu berjaya menjawab pelbagai soalan dan masalah berbangkit yang dialami oleh para usahawan IKS di negeri Kelantan selama ini.

Menurut Dato' Mukhriz, pihak kementerian telah mewujudkan pelbagai inisiatif untuk membantu golongan usahawan bumiputera dan IKS terutamanya dari segi kewangan dan bantuan lain.

Menurut beliau, antara bantuan kewangan yang disediakan adalah menerusi penubuhan SME Corp. yang bertanggungjawab melulus peruntukan geran yang disediakan di bawah lapan (8) kementerian dan 60

agensi yang terlibat dengan IKS.

"Ini sebahagian usaha kerajaan membantu para usahawan di seluruh negara termasuk di negeri Kelantan. Tidak timbul isu Kelantan atau negeri-negeri tertentu dianaktirikan oleh kerajaan," jelas beliau semasa mengulas isu kesukaran usahawan mendapat bantuan kewangan dan dakwaan MITI mengamalkan pilih kasih.

Hadir sama dalam majlis itu ialah Naib Canselor UMK, Y.Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mortaza bin Mohamed, Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Kelantan, Y.Bhg. Dato' Abdul Ghafar bin Musa, Ketua Penolong Pengarah Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri Kelantan (JPP), Tuan Haji Yahya bin Mamat dan Pengarah ISME, Prof. Madya Abd. Aziz bin Abd. Latif selaku moderator.

Objektif sesi dialog bersama MITI itu adalah bagi menyelami masalah sebenar pengusaha di samping memastikan bantuan kerajaan dapat disampaikan kepada usahawan IKS bumiputera dengan berkesan.



Sebahagian 200 usahawan IKS mengambil peluang untuk mengutarakan dilema dan masalah yang membebankan mereka selama ini.



UMK TEKAD LAHIR GRADUAN KEUSAHAWANAN BERKUALITI



Naib Canselor menyampaikan amanat Sempena Tahun Baharu 2010.

NAIB Canselor Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Y.Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed mengatakan bahawa Universiti bertekad untuk melahirkan graduan-graduan bercirikan keusahawanan yang berkualiti.

Menurutnya, Universiti sentiasa peka kepada kehendak pelanggan dan stakeholders di samping berusaha membantu membentuk masyarakat bersifat keusahawanan di negara ini.

"Matlamat utama yang hendak dicapai oleh Universiti ialah graduan diterima dan dikenali pada peringkat global; graduan beretika dan endah serta staf yang berkualiti tinggi dan berdaya saing dalam persekitaran tempatan dan global," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan Amanat Tahun Baharu Naib Canselor Sempena Tahun Baharu 2010 pada 13 Januari 2010 di Dewan Besar, Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Kelantan, Pengkalan Chepa. Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed menyarankan supaya staf UMK perlu segera memperbaiki kelemahan pelajar-pelajar Universiti sekiranya mereka mendapati pelajar mempunyai kelemahan tertentu.



Warga UMK perlu berusaha menjana pendapatan sendiri dan tidak bergantung kepada sumber kewangan semata-mata - Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai.

"Staf UMK juga perlu meningkatkan keupayaan diri sendiri seperti kebolehan berbahasa Inggeris dan berkemampuan melaksanakan pelbagai tugas untuk membawa Universiti ke arah kecemerlangan," katanya.

Beliau menambah, setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ) Universiti disaran berusaha menjana pendapatan sendiri dan tidak bergantung kepada sumber kewangan daripada kerajaan semata-mata.

"Sebagai contoh, Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA) berjaya memperoleh pendapatan sebanyak lebih kurang RM109,000 setakat ini menerusi penganjuran aktiviti dan kursus bermanfaat untuk masyarakat luar," ujarnya.

TOKOH USAHAWAN KONGSI PENGALAMAN DI PROGRAM CHAIRMAN LECTURE SERIES 2010

SAYA fikir walaupun miskin, saya mesti berikhtiar untuk berjaya. Untuk berjaya, mesti melalui perniagaan," ujar Pengasas Kumpulan Karang kraf, Y.Bhg. Dato' Hussamuddin bin Yaacob semasa mendedahkan rahsia kejayaan syarikat pengeluar majalah terbesar tanah air kepada lebih 1,000 tetamu yang hadir dalam Program *Chairman Lecture Series* ke - 11, di sebuah hotel di Kota Bharu, Kelantan, pada 6 Februari 2010.

Menurut Dato' Hussamuddin selaku Pengarah Urusan Kumpulan Karang kraf, tunjang kejayaan Kumpulan Karang kraf itu juga bergantung kepada sistem pengurusan profesional dan kemahiran kewangan sehingga syarikat beliau berjaya menerbitkan 30 judul majalah di samping memiliki syarikat percetakan terbesar di negara ini.

Tambah beliau, kejayaan Kumpulan Karang kraf itu juga hasil daripada perancangan teliti seawal penubuhannya menerusi sokongan keluarga dan rakan kongsi yang menjadi aset penting kepada pembangunan serta pengembangan syarikat. Program CLS siri ke - 11 bertemakan *Managing Family Business, Issues and Challenges* turut menampilkan Y.Bhg. Prof. Madya Dr. Anton Adibroto dari Fakulti Perniagaan dan Keusahawanan, Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Manakala dalam Program CLS 12, Pengasas Syarikat Faiza Sdn. Bhd., Puan Hajah Faiza Bawumi binti Sayed Ahmad menyatakan bahawa seorang usahawan perlu berusaha gigih dan ikhlas dalam perniagaan untuk berjaya dan mencipta kejayaan.

"Antara faktor kejayaan beliau sentiasa mendapat kemurahan rezeki dalam perniagaan ialah dengan mengamalkan solat tahajud dan solat dhuha setiap hari," katanya dalam sesi ceramah tersebut di sebuah hotel di Kota Bharu, Kelantan, pada 27 Mac 2010.

Beliau telah menceburi perniagaan beras selama 40 tahun selepas mengkaji bahawa pada masa itu belum ada peniaga bumiputera yang menjual beras.

Program CLS 12 yang bertemakan *Product Strategy* turut menampilkan pensyarah Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, Dr. Ghazali bin Ahmad.



Pensyarah Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, Dr. Ghazali bin Ahmad bersama pengasas Syarikat Faiza Sdn. Bhd., Puan Hajah Faiza Bawumi binti Sayed Ahmad.



Pengasas Kumpulan Karang kraf Y.Bhg. Dato' Hussamuddin bin Yaacob.



Prof. Madya Dr. Anton Adibroto.

VETSA UMK TEROKAI

PUSAT PEMULIHARAAN HAIWAN

PERSATUAN Pelajar Fakulti Perubatan Veterinar Universiti Malaysia Kelantan (VETSA) telah menganjurkan lawatan ke Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan Kuala Gandah, Deerland Park dan Institut Biodiversiti Bukit Rengit, yang terletak di Temerloh, Pahang.

Program yang diadakan dari 21 hingga 23 Januari 2010 ini disertai oleh 39 orang pelajar dan lima (5) orang staf Fakulti Perubatan Veterinar (FPV) UMK.

Program itu bertujuan untuk memberi peluang kepada para pelajar menimba pengetahuan tentang haiwan-haiwan liar, eksotik dan haiwan peliharaan. Ia juga bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para pelajar dalam aspek penjagaan, pemakanan dan juga perilaku haiwan.

Lokasi pertama yang dilawati oleh para pelajar ialah Deerland Park yang menempatkan pelbagai spesis haiwan seperti rusa, buaya, ular dan sebagainya.

Rombongan seterusnya melawat Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan Kuala Gandah, Pahang milik Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN). Pusat ini memberi pendedahan mengenai proses pemindahan semula gajah liar, memberi makan, menunggang dan mandi bersama gajah.

Seterusnya, rombongan telah menginap dan melawat Institut Biodiversiti, Bukit Rengit. Pelbagai aktiviti ompas (Spider Web) dan Jejak Si Kelawar yang telah dikendalikan oleh fasilitator Institut Biodiversiti.



Rombongan ahli Persatuan Pelajar Perubatan Fakulti Veterinar (VETSA) yang mengikuti lawatan ke Pusat Pemuliharaan Haiwan di Temerloh, Pahang.



IMBANGI KECEMERLANGAN AKADEMIK DAN KO-KURIKULUM

- DEKAN FASA



Prof. Dr. Hj. Ibrahim bin Che Omar menyampaikan sijil Anugerah Dekan kepada pelajar cemerlang FASA.



Tetamu yang hadir pada Majlis Perjumpaan Bersama Dekan FASA dan Penyampaian Sijil Anugerah Dekan FASA Semester 1 Sesi 2009/2010.

KECEMERLANGAN akademik dan kokurikulum disifatkan sebagai sama penting bagi melahirkan graduan berkualiti, iaitu menepati keperluan negara dalam usaha melahirkan modal insan kelas pertama.

Dekan Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA) Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Y.Bhg. Prof. Dr. Hj. Ibrahim bin Che Omar menyatakan bahawa para pelajar bukan sahaja perlu cemerlang dalam bidang akademik malah harus terlibat sama dalam setiap aktiviti fakulti dan program Universiti.

"Pelajar perlu mengimbangi pencapaian akademik dan kokurikulum supaya negara dapat memiliki modal insan yang berkualiti," katanya semasa berucap pada Majlis Perjumpaan Bersama Dekan FASA dan Penyampaian Sijil Anugerah Dekan FASA Semester 1 Sesi 2009/2010 kepada 39 pelajar di Dewan Besar, Pusat Sumber Pendidikan Negeri (PSPN), Pengkalan Chepa pada 23 Januari 2010.

Prof. Dr. Hj. Ibrahim turut menghargai penyertaan pelajar FASA dalam aktiviti anjuran Universiti seperti program ASEAN Learning Network Council (ALNC) yang berlangsung pada 8 hingga 9 Januari lalu.

Beliau juga berharap semua pelajar melibatkan diri dalam projek agropolitan iaitu program jalinan kerjasama antara UMK dengan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) di bawah program Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER).

Dalam ucapannya, beliau mengharapkan semua warga FASA menanamkan rasa cinta dan berbangga kepada organisasi dan bekerjasama untuk menjadikan FASA sebagai penjana perubahan dalam Universiti dan sekaligus menjadi role model kepada yang lain.



Teknologi IT mampu perkasakan usahawan wanita

LEBIH 80 peserta khususnya warga UMK yang terdiri daripada staf dan pelajar wanita hadir menyertai bengkel dua hari yang diadakan sempena sesi ceramah dan lawatan Pengarang dan Penceramah Motivasi Media Digital, Whitney Keyes ke UMK pada 22 hingga 23 Mac 2010.

Bengkel yang bertemakan 'Empowering Women Through Entrepreneurship' anjuran Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dengan kerjasama Kedutaan Amerika Syarikat, itu diadakan sempena Minggu Keusahawan Global.

Dalam ceramah Whitney Keyes, beliau menyatakan perancangan perniagaan secara teratur serta tersusun sebelum meneroka alam perniagaan atau pemasaran antara aset penting dalam memastikan kejayaan seseorang usahawan.

Selain itu, usahawan juga perlu memanfaatkan semua saluran media dan penggunaan IT terkini menerusi perniagaan dalam talian (online) dalam menerokai pasaran lebih meluas, berkesan dan pantas.

Dalam bengkel selama dua hari itu turut membincangkan modul berkaitan keusahawanan iaitu The Challenges and Opportunities for Entrepreneurs in the 21st Century, The Power of Planning, Social Entrepreneurship, Social Media dan Communicating Entrepreneurship Principles to Today's Youth.

Hadir sama dalam bengkel ialah Pegawai Hal Kebudayaan Kedutaan Amerika Syarikat di Malaysia iaitu Nicholas Papp.



Sebahagian peserta yang menghadiri Bengkel 'Empowering Women Through Entrepreneurship'.



Whitney Keyes



Majlis menandatangani MoA antara TM Berhad & UMK TM Berhad Bekal Kemudahan Internet Lebih Pantas



Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai menerima cenderahati daripada Naib Presiden Jualan Sektor Kerajaan TM, Encik Hamdan bin Ismail

TELEKOM Malaysia Berhad (TM) telah menandatangani satu Memorandum Perjanjian (MoA) dengan UMK berhubung perjanjian menaiktaraf perkhidmatan TM Direct melalui teknologi baru, Metro Ethernet kepada UMK pada 29 Mac 2010 di Kampus UMK, Pengkalan Chepa.

Dalam majlis menandatangani MoA tersebut, UMK diwakili oleh Naib Canselor UMK, Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed manakala TM diwakili oleh Naib Presiden Jualan sektor Kerajaan TM, Y.Bhg. Encik Hamdan bin Ismail.

Menerusi perjanjian diharapkan *bandwidth internet* di Kampus UMK akan ditambah supaya kelajuannya menjadi lebih cepat dan pantas daripada 2 Mbps kepada 16 Mbps.

Menurut Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai, pihak Universiti berharap dengan kerjasama TM ini dapat meningkatkan kelajuan rangkaian internet di UMK untuk memberi kemudahan kepada warga UMK.

Menurut beliau, menerusi kemudahan Metro Ethernet berkelajuan tinggi ini akan memudahkan sistem dan urusan kerja semua warga Universiti termasuk para pelajar.



Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai dan Naib Presiden Jualan Sektor Kerajaan TM, menandatangani MoA antara UMK dan TM Berhad.

"Selain itu, sekaligus dapat mengurangkan masalah gangguan teknikal dan masalah berkaitan internet yang timbul di Universiti," katanya.

Turut hadir dalam majlis Menandatangani MoA tersebut ialah Pengurus Besar Negeri, TM Kelantan, Y.Bhg. Tuan Haji Ab. Rashid bin Che Othman dan Pengurus Jualan Sektor Kerajaan, TM Kelantan, Y.Bhg. Tuan Haji Md Aziz bin Md Daud.

Sementara itu, En. Hamdan dalam ucapannya menyifatkan hasil kerjasama ini TM telah meningkatkan keupayaan operasi UMK (akses ke internet) dengan membekalkan TM Direct melalui Metro Ethernet (16Mbps) pada 2 November tahun lepas.

Tambahnya, TM sentiasa komited dan akan terus bekerjasama dengan UMK dalam usaha mengenal pasti penyelesaian kepada isu-isu operasi UMK khususnya yang berkaitan dengan telekomunikasi.

"TM juga masih dalam proses perundingan membekalkan produk dan perkhidmatan TM kepada UMK," jelasnya lagi.



Lensa

KARNIAWAN

16-18 FEBRUARI 2010

MAJLIS PERASMIAN STUDIO KEBUDAYAAN UMK

13 JANUARI 2010



MALAM ANUGERAH

Pitra Seni

22 JANUARI 2010

KiKW2010

24 & 25 FEBRUARI 2010



PROGRAM SIRI CERAMAH FLYING START

18 - 20 FEBRUARI 2010



Kejohanan Persahabatan Tenpin Bowling UMK-MEDIA 2010

UNIVERSITI Malaysia Kelantan (UMK) telah menganjurkan Kejohanan Persahabatan Tenpin Bowling Universiti Malaysia Kelantan (UMK) Bersama Media 2010 bertempat di Pusat Bowling Mutiara, Kota Bharu, Kelantan, pada 29 Disember 2009.

Kejohanan julung kali diadakan itu menerima sambutan baik apabila 15 pasukan terdiri daripada wakil media Kelantan dan pihak pengurusan kanan UMK mengambil bahagian pada kejohanan tersebut.

Menurut Naib Canselor UMK, Y.Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed, kejohanan yang julung kali diadakan adalah platform terbaik untuk mengeratkan silaturahim antara warga Universiti dengan semua petugas media khususnya yang beroperasi di Kelantan.

Beliau berkata, UMK amat menghargai kerjasama dan sokongan berterusan yang diberikan oleh semua media Kelantan sejak hari pertama UMK mula beroperasi di negeri ini.

"Liputan dan hebahan yang dibuat oleh media terhadap UMK dari semasa ke semasa secara langsung membolehkan lebih ramai masyarakat baik di dalam mahupun di luar Kelantan mengenali kami dengan lebih dekat," katanya.

Menurut beliau, Universiti sentiasa komited dalam usaha menjalinkan hubungan yang erat dengan pihak media. Hubungan baik dan kerjasama murni antara Universiti dan pihak media diharap dapat diteruskan pada masa hadapan.

Pasukan TV3 telah berjaya membawa pulang Piala Pusingan Kejohanan Persahabatan Tenpin Bowling UMK-MEDIA 2009 apabila dinobatkan sebagai Juara Keseluruhan manakala tempat kedua dikongsi bersama oleh wakil pasukan RTM dan kumpulan Pengurusan Kanan UMK, manakala pasukan Berita Harian menduduki tempat ketiga.

Naib Canselor turut menyempurnakan penyampaian hadiah bagi Juara Pasukan Terbaik, Raja dan Ratu Bowling, serta cabutan bertuah.

Turut hadir pada majlis itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Y.Bhg. Dato' Dr. Mortaza bin Mohamed dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa), Y.Bhg. Prof. Dr. Azizul Halim bin Yahya.

Antara pasukan media yang mengambil bahagian ialah pasukan BERNAMA, Utusan Malaysia, Berita Harian, Sinar Harian, Harian Metro, Kosmo, New Straits Times, RTM, TV3, Nanyang Slang Pau, Sing Chew Daily dan China Press.



Kejohanan Bowling UMK bersama Media Kelantan merapatkan lagi hubungan silaturahim kedua-dua pihak.



Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai menyampaikan hadiah dan trofi Juara Piala Pusingan kejohanan kepada Pasukan TV3 dan wakil UMK.

PERTANDINGAN DEBAT ANTARA IPTA

PASUKAN Debat Bahasa Arab, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah dinobatkan sebagai penerima anugerah Tunas Harapan dalam Pertandingan Debat DiRaja 2009 antara Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Malaysia yang berlangsung di Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur pada 3 Disember 2009 hingga 8 Disember 2009.

Kemenangan pasukan debat di bawah bimbingan Pensyarah Bahasa Arab, En. Ahmad Thalal Hassan serta guru-guru Bahasa Arab UMK, En. Mohd Zaki Aminudin dan Cik Nor Abdul Rahman itu cukup bersejarah kerana ini adalah penyertaan sulung UMK dalam pertandingan debat anjuran Majlis Debat Universiti-Universiti Malaysia (MADUM).

Menurut Ustaz Ahmad Thalal, menerusi pertandingan itu pasukan debat UMK juga telah berjaya merangkul gelaran Naib Johan Kategori Muda meskipun ia merupakan penampilan pertama pasukan Universiti dalam acara berprestij seperti ini.

Katanya, perkara yang lebih membanggakan ialah apabila pendebat UMK iaitu Nurhidayah Seman telah diisytiharkan sebagai Pendebat Terbaik Keseluruhan.

"Kemenangan itu amat bermakna kerana pertandingan kali ini amat sengit apabila kita terpaksa bersaing dengan pasukan yang lebih berpengalaman seperti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)," katanya.



Pasukan UMK yang memenangi naib johan serta menerima anugerah Tunas Harapan bersama replika cek.

30RIBU PENGUNJUNG SERBU JOM MASUK U



LEBIH 30,000 pengunjung membanjiri Karnival Pengajian Tinggi Negara (KPTN) yang diadakan di Kelantan Trade Centre (KTC), di Kota Bharu, Kelantan, pada 13 hingga 14 Mac 2010.

Karnival dengan tagline "Jom Masuk U" bertemakan 1Malaysia Pendidikan Untuk Semua itu mencatatkan bilangan pengunjung paling ramai berbanding karnival sama yang diadakan di lokasi lain sebelum ini.

Faktor utama jumlah luar biasa itu ekoran daripada keputusan peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) 2009 yang diumumkan baru-baru ini.

Naib Canselor Universiti Malaysia Kelantan, Y.Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed menyifatkan sambutan luar biasa itu kerana ramai lepasan SPM, STPM dan STAM mengambil peluang untuk mendapatkan info tentang program pengajian yang ditawarkan oleh Institusi Pengajian Tinggi Negara.

Tambah beliau, sebanyak 104 ruang pameran yang dikendalikan oleh 77 buah agensi terlibat dalam KPTN Jom Masuk U termasuk Institusi Pengajian Tinggi Awam, Institusi Pengajian Tinggi Swasta, Jabatan Perkhidmatan Awam, syarikat telekomunikasi tempatan dan agensi-agensi kerajaan dan swasta.

"KPTN Jom Masuk U 2010 yang julung kali diadakan di Kelantan itu dibuka untuk orang awam secara percuma dan merupakan program tahunan Kementerian Pengajian Tinggi sejak tahun 2005," katanya semasa ditemuramah oleh Radio Kelantan FM, di Konti Sementara Radio Televisyen Malaysia (RTM).

Menurut Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai, pada karnival kali ini UMK bersama KPT menjadi tuan rumah bagi peringkat zon lapan (8) dan Universiti tidak ketinggalan mengambil peluang dalam siri mempromosi UMK kepada kumpulan sasaran.

"Program Jom Masuk U kini semakin mendapat reaksi positif daripada para pelajar, kaunselor, guru sekolah, ibu bapa, masyarakat umum dan stake holders. Program ini dilihat sebagai platform terbaik bagi IPT Malaysia mempromosi program pengajian masing-masing," katanya.

Antara aktiviti menarik yang diadakan sepanjang karnival itu berlangsung adalah seperti acara cabutan bertuah, kuiz dan forum peluang pendidikan.

Siri Karnival Jom Masuk U 2010 telah membabitkan 10 Zon bermula di PERSADA, Johor; Stadium Melawati, Shah Alam, Selangor; One Borneo, Kota Kinabalu, Sabah; Stadium Tertutup Nilai, Negeri Sembilan; Kuching, Sarawak; Seberang Prai, Pulau Pinang; Jitra, Kedah; Kota Bharu, Kelantan; Gambang, Pahang dan berakhir di Ipoh, Perak.



MPP PERLU PIKUL AMANAH & TANGGUNGJAWAB

Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan MPPUMK 2010



Muhammad Azfar (Yang Dipertua) menandatangani ikrar bagi 12 anggota ahli majlis tertinggi MPPUMK 2010.



Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Y.B. Dato' Seri Mohamed Khaled, Naib Canselor dan Timbalan Naib Canselor (HEP) bersama anggota majlis tertinggi MPPUMK.

Pelajar Universiti Malaysia Kelantan (MPPUMK) 2010 perlu memandangkan berat kepercayaan yang diberikan kepada mereka dan memikul tanggungjawab masing-masing dengan baik.

Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Y.B. Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin menyifatkan barisan pemimpin pelajar yang dipilih juga harus bersedia berdepan dengan tanggungjawab dan cabaran untuk memperkasakan Universiti.

"Ini bagi memastikan agenda serta visi dan misi UMK yang berteraskan Universiti Keusahawanan dapat direalisasikan," ujar beliau semasa berucap sempena Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan dan Ikrar Barisan Baru MPP UMK 2010, di sebuah hotel di Kota Bharu, pada 18 Februari 2010.

Turut hadir pada majlis itu, Naib Canselor UMK, Y.Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Zainal bin Mohamed, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Dato' Dr. Mortaza bin Mohamed.

Seramai 12 ahli majlis tertinggi MPPUMK 2010 telah dilantik dan mereka terdiri daripada Muhammad Azfar bin Dolmat sebagai Yang Dipertua, manakala Muhammad Luqman bin Nordin dipilih sebagai Naib Yang Dipertua I.

Sementara itu, Naib Yang Dipertua II disandang oleh Mohamad Hafizudin bin Mohd Nasarusin dan jawatan Setiausaha Agung diamanahkan kepada Siti Zubaidah bin Hamzah, manakala jawatan Bendahari pula disandang oleh Andi Nursyuhada Abdul Kadir.

Bagi jawatan Biro Pembudayaan Keusahawanan dan Pembangunan Korporat diketuai oleh Mohd Faizal bin Mat Rani; Biro Perhubungan Nilai dan Intergrasi oleh Muhamed Sarizal Sirajudin, dan Siti Shakina Chu Mohd Rizal menjawat jawatan Biro Akademik dan Antarabangsa.

Jawatan Biro Sukan dan Rekreasi diketuai oleh Muhammad Alif Sofian Gan; Biro Kesenian, Kebudayaan dan Perhubungan oleh Mohd Norhaizat Naim Mohd Mazlan; Biro Kebajikan dan Perhubungan Komunikasi oleh Zulkifli Mohd Zain; dan Biro Informasi, Penerbitan dan Multimedia diketuai oleh Muhammad Nor Nasarudin.

Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar UMK telah diadakan pada 28 Januari 2010 dengan sebanyak 12 kerusi dipertandingkan.

SISTEM UNDI E-VOTING Majlis Pemilihan MPPUMK 2010 lancar

TIMBALAN Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Y.Bhg. Prof. Dr. Mortaza bin Mohamed menyifatkan proses pemilihan barisan kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) 2010 berjalan lancar tanpa sebarang gangguan sepanjang tempoh pemilihan berlangsung.

"Proses pemuangan undian menerusi E-Vote sesi 2010 adalah kali kedua diadakan bagi menentukan pucuk pimpinan dan ahli majlis tertinggi MPPUMK 2010," katanya selepas mengumumkan keputusan penuh Pemilihan MPP UMK Sesi 2010 di Dewan Kuliah 3 dan 4, Kampus UMK, Pengkalanchepa pada 28 Januari 2010.

Tambah Dato' Dr. Mortaza, barisan kepimpinan MPP perlu sedar bahawa mereka diberi kepercayaan yang besar oleh para pelajar untuk menerajui MPPUMK kerana mereka telah diberi mandat yang perlu dipikul dengan penuh amanah dan tanggungjawab.

Keputusan pemilihan MPP UMK kali ini menyaksikan dua (2) pelajar iaitu Muhammad Azfar bin Dolmat (FKP) dan Mohamad Hafizudin bin Nasrudin (FASA) mendapat jumlah undi sama serta tertinggi iaitu sebanyak 560 undi untuk menduduki barisan utama kepimpinan MPP UMK yang baru.

Dua (2) lagi calon yang berjaya menduduki kerusi dalam MPP UMK ialah Mohd Shahrizal bin Sirajuddin dari FASA (499 undi) dan Zulkifli Mohd Zain dari FTKW (465 undi).

Dalam pada itu, bagi kerusi Fakulti, calon Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA) iaitu Siti Zubaidah binti Hamzah dan Muhammad Alif bin Sofian Gan disyiaharkan menang tanpa bertanding. Situasi yang sama turut berlaku pada calon Fakulti Perubatan Veterinar (FPV) iaitu Muhammad Luqman bin Nordin dan Siti Shakina Chu binti Mohd Rizal Chu.

Para pelajar UMK membuang undi melalui sistem e-Voting di Dewan Kuliah 3 dan 4.



Kerusi Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW) pula dimenangi oleh Mohd Norhaizat Naim bin Mohd Mazlan (226 undi) dan Andi Nursyuhada binti Abdul Kadir (155 undi) manakala kerusi Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP) dimenangi oleh Mohd Faizal bin Mat Rani (230 undi) dan Muhammad Nor bin Nasarudin (174 undi).

CHINA INTERNATIONAL EDUCATION EXHIBITION TOUR (CIEET) UMK PROMOSI PENDIDIKAN DI BEIJING

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK) telah menyertai China International Education Exhibition Tour (CIEET) yang berlangsung di China World Exhibition Hall, 1 Jiang Guo Men Wai Anevue, Beijing, China dari 13 hingga 14 Mac 2010.

Pameran pendidikan antarabangsa yang berlangsung selama dua (2) hari itu disertai oleh institusi-institusi pengajian tinggi dari lebih 20 buah negara di seluruh dunia seperti Amerika Syarikat, Australia, New Zealand, Hong Kong, Singapura, Kanada, Perancis dan United Kingdom.

Manakala delegasi Malaysia terdiri daripada 12 Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Awam dan Swasta termasuk UMK.

Delegasi Malaysia ke CIEET diketuai oleh Pengarah Bahagian Pemasaran Pendidikan, Jabatan Pengajian Tinggi Malaysia, Dr. Syed Alwee Shekh Alsagoff; Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Pemasaran Pendidikan, Jabatan Pengajian Tinggi Malaysia, Encik Seen Thien Choong dan beberapa pegawai bahagian pendidikan di Kedutaan Malaysia di China.

Manakala rombongan UMK diketuai oleh Pengarah Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah (PPBPI), Prof. Dr. Farok bin Zakaria; Tutor Bahasa Cina PPBPI, Cik See Soo Yin dan Penolong Pendaftar Jabatan Canselori, Cik Liau Pei Wen.

Menurut Ketua Delegasi UMK, Prof Dr. Farok, secara umumnya, pameran CIEET berjalan dengan lancar sebagaimana yang dijadualkan dan menerima sambutan yang amat menggalakkan daripada penduduk di China termasuk para pelajar lepasan sekolah menengah, lepasan ijazah sarjana muda dan golongan ibu bapa.

Beliau berkata, pelajar dari luar Beijing lebih ramai menunjukkan minat untuk melanjutkan pelajaran di Malaysia berbanding pelajar-pelajar Beijing yang dilihat lebih cenderung untuk mengikuti pengajian di United Kingdom dan Amerika Syarikat.

Tambahnya, pameran CIEET telah dilaksanakan dengan jayanya dan delegasi telah mempromosi UMK supaya nama Universiti ini sekurang-kurangnya dikenali oleh rakyat China walaupun tidak ada pengambilan pelajar China untuk UMK ketika pameran pendidikan itu berlangsung.

Dalam perkembangan lain, delegasi UMK yang tiba di Beijing sehari sebelum pameran CIEET berlangsung turut mengambil kesempatan untuk melakukan kunjungan ke Beijing Foreign Studies University (BFSU) dan mengadakan perbincangan dengan Pengarah Pusat Pengajian Bahasa Melayu BFSU, Prof. Wu Zong Yu.

Sesi perbincangan yang mengambil masa kira-kira dua (2) jam tersebut antara lain menyentuh tentang kerjasama akademik antara BFSU dan UMK. Perbincangan itu turut dihadiri oleh dua kakitangan BFSU yang lain iaitu Pengarah Pejabat Hal Ehwal Pelajar Luar Negara, Liu Bing dan pensyarah Bahasa Melayu, Fu Cong Cong @ Johan.



Prof. Dr. Farok bersama delegasi Universiti Malaya (UM), wakil kedutaan Malaysia di China dan pegawai dari Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

LAWATAN RASMI UMK KE BRUNEI



Naib Canselor, Y.Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai bersama delegasi UMK yang melawat ke Negara Brunei Darussalam, baru-baru ini.

SATU lawatan kerja ke Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Curtin University Of Technology, Miri, Sarawak, telah diadakan pada 21 hingga 23 Februari 2010.

Delegasi terdiri daripada Naib Canselor UMK, Y.Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed; Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Y.Bhg. Prof. Dr. Azizul Halim bin Yahya; Dekan Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA), Prof. Dr. Ibrahim bin Che Omar; Dekan Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW), Prof. Madya Abdul Aziz bin Abd. Shuaib; Pengarah Pusat Hubungan Korporat, Puan Wan Tik Sakinah binti Wan Mohd Zain; Pengarah Pusat Pembangunan dan Pengurusan Akademik, Prof. Rosdi bin Ab. Rahman dan Pustakawan, Amirul Firdaus bin Zilah.

Pada hari pertama, rombongan telah dibawa melawat sekitar kompleks penyiaran Radio Televisyen Brunei (RTB), Bilik Berita, Konti Radio dan Bilik Operasi Penyiaran serta telah diberi taklimat ringkas tentang sistem rangkaian penyiaran digital RTB.

Dalam acara lawatan itu, Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai telah diwawancara dalam satu segmen rancangan Rampai Pagi. Seterusnya, lawatan kerja diteruskan ke Universiti Brunei Darussalam (UBD) bagi membincangkan jaringan hubungan kerjasama antarabangsa UMK dengan institusi pengajian tinggi di Brunei Darussalam pada masa akan datang.

Satu perjumpaan ringkas UMK bersama Dekan-dekan Fakulti tentang pengajian yang ditawarkan di UBD telah diadakan. Pada majlis perjumpaan itu, Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai telah menyampaikan taklimat berkaitan UMK kepada para dekan UBD.

Sempena lawatan ini, rombongan juga telah mengadakan perjumpaan bersama Dekan-dekan Fakulti Pengajian di Curtin University Of Technology, Miri, Sarawak, pada 23 Februari 2010.

Delegasi yang diketuai Timbalan Naib Canselor (Antarabangsa dan Akademik), Y.Bhg. Prof. Dr. Azizul Halim bin Yahya, telah melawat persekitaran kampus dan kemudahan-kemudahan yang disediakan di Curtin University of Technology.



Naib Canselor UMK memberi taklimat ringkas tentang program pengajian di UMK semasa ditemu-bual dalam Rancangan Rampai Pagi terbitan Radio Televisyen Brunei (RTB).

ASEAN LEARNING NETWORK COUNCIL & Bengkel Social Enterprise for Economic Development (SEED)



Staf dan pelajar UMK bersama delegasi Asean Learning Network Council semasa menghadiri Bengkel Social Enterprise for Economic Development (SEED)

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK) telah menjadi tuan rumah kepada Mesyuarat ASEAN Learning Network Council (ALNC) Ke-4 dan Bengkel Social Enterprise for Economic Development (SEED) dari 9 hingga 10 Januari 2010.

ALNC adalah sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang digerakkan oleh beberapa buah Universiti di ASEAN iaitu Institut Teknologi Bandung (ITB) (Indonesia); San Beda College (Filipina); Universiti Perbankan Ho Chi Minh City (Vietnam); Prince of Songkla University (Thailand) dan Universiti Malaysia Kelantan (Malaysia) bersama University of St. Gallen (Switzerland).

Sempena Mesyuarat ALNC dan Bengkel SEED tersebut, delegasi ALNC telah dibawa melawat beberapa perkampungan di daerah Tumpat, antaranya Kampung Pantai Keting, Kampung Ketil, Kampung Jubakar Pantai dan Kampung Pantai Tujuh pada 10 Januari 2010.

Antara perusahaan desa yang dilawati ialah perusahaan ikan sangkar, perusahaan ikan kering, perusahaan keropok lekor, penternakan itik telur, penanaman kulat, penternakan ayam dan perusahaan budu. Lawatan tersebut antara lain bertujuan mengenal pasti potensi pelaksanaan program SEED di perkampungan terbabit.

Naib Canselor UMK, Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai Mohamed menyatakan Mesyuarat ALNC Ke-4 ini bertujuan menyerlahkan kedinamikan pertubuhan itu menerusi dialog dan bengkel dalam skop yang luas dengan menggabungkan idea-idea akademik anggota ALNC supaya mereka dapat bersama-sama membentuk pelan tindakan yang dapat memberi impak kepada pembangunan masyarakat setempat khususnya.

Mesyuarat ALNC yang telah diadakan sebanyak empat (4) kali ini menggalakkan rangkaian kerjasama antara anggota ALNC dalam fasa yang berbeza manakala fungsi NGO ini menjadi lebih mantap dan luas melalui pelaksanaan program SEED.

"Program SEED merupakan satu pendekatan pembelajaran inovatif yang bertujuan menggalakkan kepekaan sosial dan pemikiran bercirikan keusahawanan merentasi konteks budaya dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi di ASEAN dan University of St. Gallen di Switzerland," katanya.

Sementara itu, Pengerusi ALNC, Prof. Ir. Surna Tjahja Djajadiningrat dari Sekolah Perniagaan dan Pengurusan, ITB berkata, mesyuarat ALNC kali ini mencapai hasil yang memberangsangkan terutama apabila semua anggota ALNC bersetuju untuk melaksanakan program SEED di Tumpat, Kelantan pada Julai ini.

"Pada waktu itu, pelajar-pelajar dari ITB, San Beda College, Universiti Perbankan Ho Chi Minh City, Prince of Songkla University, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan

University of St. Gallen akan berkampung di Tumpat, Kelantan.

"Pelajar-pelajar yang terdiri daripada pelbagai latar belakang budaya tersebut akan bekerjasama, membentuk dan melaksanakan pelan perniagaan dalam usaha membangunkan aktiviti perusahaan di kampung tersebut," jelasnya.



Delegasi dibawa melawat beberapa lokasi perusahaan desa di sekitar perkampungan di daerah Tumpat, Kelantan.

MITOS & REALITI : DARI PRODUKSI IDEA KE DISTRIBUSI PASARAN

PELAJAR Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW) Universiti Malaysia Kelantan (UMK) perlu menolak persepsi masyarakat bahawa industri kreatif dianggap sebagai satu bidang yang tidak dapat menyediakan peluang kerjaya yang baik dan menjamin masa depan mereka.

Pensyarah Kanan Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya (UM), Prof. Madya Dr. Abu Hassan bin Hasbullah berkata, pelajar FTKW perlu mencari kaedah bagaimana untuk menolak persepsi negatif itu dengan mencipta satu produk dengan hasil kreativiti yang boleh menjana pendapatan tinggi.

Katanya, kreativiti dan inovasi adalah perkara utama yang perlu diberi perhatian oleh pelajar yang ingin menceburi bidang kreatif. Industri ini selalunya dikaitkan dengan bidang hiburan, justeru masyarakat beranggapan industri ini tidak perlu dipandang secara serius.

“Namun, dengan idea dan kreativiti yang diterjemah kepada realiti mengikut gambaran atau kemahiran tertentu, ia mampu memberi nilai tambah kepada pelajar untuk menghasilkan sesuatu produk yang kreatif serta luar biasa,” ujar beliau.

Beliau berkata demikian semasa sesi soal jawab dalam program Mitos dan Realiti Perdana sempena Majlis Anugerah Dekan FTKW di Dewan Terbuka, UMK, pada 13 Mac 2010.

Dr. Abu Hassan berkata, beliau percaya pelajar dan pensyarah UMK boleh berbuat sesuatu kerana 70 peratus pasaran industri masa hadapan adalah melalui industri pasaran kreatif.

“Akhirnya mitos akan menjadi hakikat menerusi penghasilan produk yang kreatif. Saya percaya program teknologi kreatif dan warisan yang ditawarkan di UMK mampu melahirkan graduan yang lebih berdaya saing seiring dengan visi dan misi Universiti,” jelasnya.



Prof. Madya Dr. Abu Hassan bin Hasbullah.

PEMASARAN PRODUK USAHAWAN PERLU KREATIF



Dekan FKP, Prof. Dr. Mohamad Dahlan menyampaikan cenderahati kepada Dato' Zahari sempena program PELS siri ketujuh (7) 2010.

USAHAWAN perlu lebih kreatif dan inovatif dalam mengaplikasikan strategi pemasaran produk melalui kaedah seperti tawaran harga, promosi dan sebagainya di samping menjadikan media massa sebagai medium utama pemasaran.

Presiden UO Superstore Sdn. Bhd., Y.Bhg. Dato' Zahari bin Omar berkata, usahawan yang kreatif perlu menganalisis banyak

perkara sebelum bertindak disamping menitikberatkan permintaan pelanggan untuk memastikan produk yang dipasarkan memenuhi kehendak pengguna.

“Usahawan tidak perlu takut untuk menerokai kaedah baru yang boleh menarik pengguna sama ada melalui tawaran harga dan promosi atau menjadikan media massa untuk memasarkan produk mereka,” jelas.

Beliau yang merupakan pemilik sebuah pasar raya terkemuka di ibu negara berkata demikian ketika menyampaikan ceramahnya dalam program *Premier Entrepreneur Lecture Series (PELS)* siri ketujuh (7) di Perdana Resort, Kota Bharu, pada 22 Februari 2010.

Dato' Zahari menasihatkan supaya setiap usahawan perlu belajar dan bersedia mengambil risiko untuk menghadapi sebarang kemungkinan dalam perniagaan sekaligus mencari jalan penyelesaian.

“Setiap orang perlu berfikiran kreatif dan mengambil inisiatif bagi menceburkan diri dalam bidang keusahawanan yang meliputi pelbagai lapangan dan menjadi usahawan yang berjaya,” ujar anak kelahiran Bachok, Kelantan itu.

Sementara itu, Dekan Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP), Prof. Dr. Mohamed Dahlan bin Ibrahim berkata, pelajar-pelajar UMK khususnya pelajar FKP perlu mempraktikkan ilmu yang dipelajari dan bukan hanya berpegang kepada teori semata-mata untuk menjadi usahawan berjaya.

“If you want to be different, you have to act different and you have to think different. UMK sentiasa menekankan pelbagai kaedah untuk melahirkan pelajar bercirikan keusahawanan yang berbeza daripada universiti lain,” katanya.



SATU PROGRAM UMK SATU DAERAH 2010

UNIVERSITI Malaysia Kelantan (UMK) telah menjalinkan kerjasama dengan Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) Kelantan menerusi program "Satu Program UMK Satu Daerah" dalam usaha merealisasikan hasrat kerajaan untuk mengeratkan usahasama antara institusi pendidikan negara tanpa mengira tahap pengajian.

Dekan Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA), Prof. Dr. Ibrahim bin Che Omar menegaskan, kerjasama seumpama itu sekaligus dapat menjadi input kepada kecemerlangan pendidikan negara untuk mencapai matlamat kerajaan membangunkan modal insan yang holistik dan berkualiti.

Prof. Ibrahim berkata, kerjasama ini penting memandangkan pihak Universiti mahu kewujudan UMK sejak tiga tahun lalu memberi kesan positif dalam pembangunan pendidikan serta relevan dengan keperluan masyarakat di negeri ini.

"Satu Program UMK Satu Daerah 2010 merupakan antara usaha mendekatkan UMK dengan masyarakat menerusi 10 program yang telah dirangka pada tahun ini yang disasarkan kepada pelbagai lapisan masyarakat terutamanya golongan pelajar," jelasnya.

Pelancaran program itu telah disempurnakan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Y.B. Dato' Seri Mustapa bin Mohamed, di Sekolah Menengah Teknik Bachok, Bachok, Kelantan, pada 27 Februari 2010.

Turut hadir pada majlis itu ialah Naib Canselor UMK, Y.Bhg. Prof. Ir. Dr. Zainai bin Mohamed dan Pengarah JPN Kelantan, Y.Brs. Tuan Haji Mohd Ghazali bin Ab. Rahman.

Dalam usaha menjayakan hasrat itu, sebanyak 10 program telah dirangka bagi tujuan melengkapkan pelbagai perkara yang disediakan oleh JPN terutama di peringkat daerah untuk membangunkan warga sekolah dengan pelbagai aktiviti terancang.

Antara pengisian program kerjasama ialah Cakna Sains Sekolah Luar Bandar, Cakna Sains Ibu Bapa (PIBG), Kursus Peningkatan Kemahiran Pembantu Makmal Sekolah, Kuiz Sains Sekolah Menengah, Pertandingan Pameran Sains Sekolah Menengah dan Bengkel Peningkatan Kemahiran Guru Sains Negeri Kelantan.

Selain itu, program itu juga menekankan kemahiran bahasa Inggeris melalui *Programme of English Language Improvement at School*, Program Usahawan Muda (Sekolah Menengah), Memperkasakan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah dan Kerja Sosial di Sekolah.



Y.B. Dato' Seri Mustapa bin Mohamed menandatangani plak bagi menyempurnakan perasmian program "Satu Program UMK Satu Daerah 2010".



Naib Canselor UMK, Y.Bhg. Prof. Ir. Dr. Zainai bin Mohamed memberi taklimat tentang pembangunan kampus UMK di Bachok kepada tetamu.

KONVENSIEN KEUSAHAWANAN 2010 ECER-KPT-UMK

INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI (IPT) di wilayah timur negara termasuk Universiti Malaysia Kelantan (UMK) mempunyai peranan penting bagi menyumbang kepakaran mereka untuk menjayakan segala aktiviti yang dirancang oleh Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER).

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Mustapa bin Mohamed berkata, usaha itu amat penting agar aktiviti yang dirancang ECER dapat memberi impak maksimum kepada pembangunan masyarakat setempat sekaligus memacu pertumbuhan ekonomi wilayah timur.

"Pihak universiti serta institusi penyelidikan melalui aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) mampu memberi nilai tambah untuk membolehkan produk dan aktiviti baru di ECER dikomersialkan dengan kerjasama pihak industri," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Konvensyen Keusahawanan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) - Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) - Universiti Malaysia Kelantan (UMK) di Kelantan Trade Centre (KTC), pada 20 Mac 2010.

Konvensyen yang berlangsung selama tiga (3) hari itu memberi pendedahan kepada peserta menerusi pembangunan kertas kerja yang dilakukan khusus membabitkan usaha memulakan perniagaan atau memajukan bidang berkenaan.

Hadir sama pada majlis itu ialah Naib Canselor UMK, Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed dan Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC), Datuk Jebasingam Issace John.

